

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 07 Jun 2016 12:48
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: ANGKASA NGEMBARA LANGIT BIRU MENCARI ILMU



07 JUN 2016 / 02 RAMADHAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

ANGKASA NGEMBARA LANGIT BIRU MENCARI ILMU



ANJUNG TAMU ONLINE: Ibu Pejabat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad atau ANGKASA berada di Petaling Jaya, Selangor serta mempunyai cawangan di setiap negeri.

Malahan, ANGKASA menaungi semua jenis koperasi asas, menengah dan atasan di seluruh Malaysia serta ANGKASA diiktiraf oleh Kerajaan sebagai badan yang mewakili Pergerakan Koperasi Malaysia pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Discover UUM secara umumnya telah berjaya menarik ribuan tetamu ke UUM dan tidak ketinggalan pegawai-pegawai tinggi dari ANGKASA yang merupakan pelajar MBA Kohot UUM-Angkasa di bawah Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) yang berkunjung ke Welcome Centre.

Rata-rata mereka teruja dengan keindahan kampus di rimba hijau di samping memberi fokus kepada taklimat yang disampaikan di Welcome Centre sambil bergambar kenangan.

Menurut Pengurus Besar ANGKASA selaku Ketua delegasi, Roszurina Omar,

“TAHNIAH UUM”, “Very Impressive”.

Sementara itu, ucapan tahniah turut diterima daripada Halim Hj. Ibrahim, manakala

“UUM is the best” tambah Nur Liyana Adam yang gembira sebagai pelajar UUM.

Biru warna lagu UUM bertepatan dengan warna biru pakaian korporat mereka yang menterjemahkan bahawa objektif dan peranan ANGKASA sebagai koperasi puncak yang memperjuangkan cita-cita serta hak kepentingan Gerakan Koperasi di negara ini setinggi angkasa biru. Selain melaksanakan program pendidikan koperasi, mengembangkan konsep dan prinsip-prinsip koperasi di kalangan rakyat Malaysia, ANGKASA juga mengadakan pelbagai kemudahan perkhidmatan bagi membantu perjalanan dan pentadbiran koperasi-koperasi ahli. Di samping itu juga, ANGKASA mementingkan pendidikan yang berterusan dan memilih UUM sebagai lembah ilmu.

“Bertuah kami mengenali Universiti Pengurusan Terkemuka”, kata Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Korporat/Pegawai Khas kepada Presiden ANGKASA, Borhan Mat Aris. Hadir sama mengiringi mereka, Penolong Pendaftar Kanan dan Penolong Pendaftar OYAGSB, Kartini Dato’ Tajul Urus serta Rozita Ramli.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

JABATAN CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

